

19 FEB 2003

NAM-Pemandu/I

POLIS MINTA KERJASAMA PENGGUNA JALAN RAYA SEMASA NAM

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Polis ingin mendapatkan kerjasama para pengguna jalan raya bagi memastikan kelancaran lalu lintas sepanjang Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) selama enam hari mulai esok.

Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Mohd Sedek Mohd Ali berharap kerjasama baik pengguna jalan raya semasa raptai pada 15 dan 17 Feb akan diteruskan sepanjang sidang kemuncak itu.

"Kami menggesa para pengguna jalan raya supaya terus memberikan kerjasama kepada anggota-anggota kami yang akan bertugas di laluan-laluan utama," kata beliau.

Mohd Sedek ditemui pemberita di Bukit Aman selepas menerima perlindungan insuran berkelompok bernilai RM85 juta daripada MCIS Zurich Insurance Bhd untuk 8,511 anggota polis yang terlibat dengan NAM.

Beliau berkata polis akan meningkatkan keselamatan di semua laluan utama berikutan ketibaan lebih banyak delegasi dan ketua-ketua kerajaan mulai esok.

Mohd Sedek mengingatkan kira-kira 300 VIP Malaysia yang dijemput menghadiri upacara perasmian pada Isnin (24 Feb) bahawa mereka perlu berada di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sebelum 7.30 pagi.

"Anggota-anggota trafik akan menutup semua jalan utama menuju ke PWTC mulai pukul 7.30 pagi dan tiada sebarang laluan alternatif untuk mereka memandangkan kami perlu memberikan keutamaan kepada VVIP dari 114 negara anggota yang perlu berada di venue utama menjelang 9 pagi," katanya lagi.

Beliau berkata jalan-jalan menghala ke Hotel Palace of Golden Horses di Sungai Besi akan ditutup mulai 6.30 petang hingga 9 malam pada Isnin semasa anggota delegasi menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai perlindungan insuran itu, Mohd Sedek berkata setiap anggota polis akan menerima maksimum RM10,000 sekiranya mereka terbabit dalam kemalangan serius atau meninggal dunia sebagai faedah bertugas semasa NAM.

-- BERNAMA

SAN AHH NDC ROS